

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Raih anugerah pengurusan terbaik
29. Jun 2008
Berita Minggu
Nasional
342946
2476000

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color
MALAY
6
980 cm2
Daily
Full Color



Raih anugerah pengurusan terbaik

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) diiktiraf organisasi paling berjaya dalam pengurusan harta intelek apabila memenangi kategori Organisasi Anugerah Harta Intelek Negara 2008, sekali gus menerima hadiah wang tunai RM30,000, piala dan sijil.

Universiti penyelidikan itu dalam satu kenyataan, berkata UPM mendahului organisasi kerajaan dan swasta lain dalam kategori utama berkenaan apabila 16 produknya berjaya dikomersialkan, 14 lagi sudah mendapat sijil paten, manakala 134 masih dalam proses permohonan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah menerima hadiah itu daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad pada majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2008 anjuran kementerian itu serta Perbadanan Harta Intelek Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, baru-baru ini.



UPM... organisasi paling berjaya.

UPM turut mendapat kejayaan berganda apabila penyelidikannya, Prof Dr Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul memenangi tempat pertama kategori individu yang menawarkan hadiah wang tunai RM20,000, piala dan sijil.

Bellau memenangi anugerah itu menerusi penyelidikan Lipase 205Y iaitu kajian mengenai enzim untuk kegunaan industri termasuk pengeluaran sabun, kosmetik dan produk farmaseutikal.

Seorang lagi penyelidik UPM, Prof Dr Suhaila Mohamed dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan pula memenangi tempat kedua menerusi hasil penelitiannya iaitu penambah perisa rumpai laut, Seasonex dan menerima piala serta sijil.

Penyelidik UPM gondol 30 pingat

PENYELIDIK UPM meraih kejayaan cemerlang dengan mengondol 30 pingat melalui 35

penyertaan di Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2008 yang berlangsung pada 21 hingga 23 Februari lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

UPM juga beroleh kejayaan berganda apabila Professor Dr Faridah Abdullah memenangi Anugerah Paling Baik 2008 menerusi penelitiannya *Tricho Green*.

Ekspo itu dianjurkan Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sebanyak 34 organisasi terdiri daripada institusi penyelidikan dan orang perseorangan menyertainya.

Kejayaan itu adalah selari dengan budaya penyelidikan yang sudah lama dicipta dan disemai para akademik di universiti itu.

Kejayaan UPM pada MTE 2008 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan serta memberi impak yang positif terhadap status UPM sebagai universiti penyelidikan.

Kejayaan dalam aktiviti penyelidikan didorong hala tuju universiti yang jelas iaitu menjadi sebuah universiti yang tersohor dalam pembangunan ilmu dan kemajuan penyelidikan berimpak tinggi yang menyumbang kepada penajanaan teknologi dan inovasi demi kemakmuran ekonomi sekaligus memberi keyakinan bahawa UPM mampu menjadi peneraju teknologi baru dan pelopor dalam pembangunan modal insan yang berkualiti.



PROF DR FARIDAH ABDULLAH

UPM mendahului institusi penagajian tinggi awam (IPTA) lain apabila meraih 11 pingat emas, tujuh perak dan 12 gangsa pada Malaysia Technology Expo 2008 (MTE 2008) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Universiti itu juga menerima Anugerah The Very Best menerusi Prof Dr Faridah Abdullah yang turut mengondol emas dengan penelitiannya *Trichogreen - Increased Fruit Yield From Ganoderma-Infected Field and Initiated Early Flowering in Young Palms*.




CEREMERLANG: Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah bersama kumpulan pakar penyelidik UPM selepas sidang media MTE 2008.

Emas lain diperoleh menerusi penyelidikan Prof Madya Dr Lai Oi Ming, Mohd Basyaruddin Abdul Rahman, Prof Ir Dr Mohd Amin Mohd Soom, Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin dan Dr Ali Asghar Rowanaghi.

Seterusnya, Dr Zanariah Abdul Majid, Prof Madya Dr Siti Nor Akmar Abdullah, Prof Madya Dr Ishak Aris, Dr Ahmad Bustaman Abdul, Prof Madya Dr Abdul Rashid Mohamed Shariff dan Prof Madya Dr Luqman Chuah Abdullah.

Penyelidik UPM Menang Pingat di INNOVA 2007



DR NORHAFAZH ABDULLAH

LIMA penyelidik UPM bersama enam projek penyelidikan mengharumkan nama UPM apabila dianugerahkan 6 pingat emas, 2 pingat perak dan 1 anugerah khas di INNOVA 2007, Brussels, Belgium.

Mereka adalah Dr Norhafizah

Abdullah (1 Emas, 1 perak), Prof Madya Dr Robiah Yunus (1 Emas, 1 perak, 1 anugerah khas), Dr Zarina Bibi Ibrahim (2 emas), Prof Dr Abd Razak Alimon (1 emas) dan Prof Madya Dr Che Roos Saad (1 emas).

Kejayaan yang dicapai itu menandakan projek penyelidikan UPM amat berkualiti sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Pertandingan antarabangsa yang berlangsung pada 21-25 November 2007 ini menerima sekitar 300 penyertaan dari pelbagai negara seluruh dunia.

UPM Menang 10 anugerah di ITEX 2008

PENYELIDIK UPM berjaya memenangi 10 anugerah pada pameran 19th International Innovation & Technology (ITEX) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre, baru-baru ini.

Kategori Invention Competition yang merangkumi dua pingat emas berjaya dimenangi Profesor Dr Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman daripada Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul dengan produk L2 Lipase: A Thermostable Enzyme for Industrial Applications dan Prof Madya Dr Lai Oi Ming dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul dengan produk *Production of Palm-based Anti Obesity Functional Oil*.

Sementara tiga pingat perak berjaya dimenangi Profesor Dr Fatimah Md Yusoff daripada Institut Biosains/Fakulti Sains dengan produk *Mass Production*

of Pure and Halal Tropical Microalgae Using Photobioreactors, Prof Madya Dr Sabira Khatun daripada Fakulti Kejuruteraan dengan produk *Smart Auto Driven Vehicle System* dan Dr Annie Christianus daripada Fakulti Pertanian dengan produk *A Rectriculating System Designed for the Culture of Horseshoe Crab Larvae*.

Dua pingat gangsa dimenangi oleh Prof Dr Azni Idris dan Dr Norhafizah Abdullah, kedua-duanya daripada Fakulti Kejuruteraan.

Bagi kategori Malaysia Innovative Product Award pula, dua produk daripada penyelidik Fakulti Kejuruteraan UPM iaitu *Ohmic Heated Pasteurizer* oleh Prof Ir Dr Norman Mariun dan *Machine for Making Jam* oleh Rosnah Shamsudin berjaya mendapat pengiktirafan.

Sebanyak 11 produk UPM dipertandingkan dalam ITEX 2008 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hou Kok Chung.

Pada tahun ini pameran itu disertai 500 reka cipta daripada 24 industri dari Malaysia, Korea Selatan, Hong Kong, Iran, Croatia, Australia dan Itali.

Penyelidik UPM Menang Emas Di BIS 2007

DUA penyelidik UPM mengharumkan nama universiti itu dan negara apabila dianugerahkan pingat emas di British Invention Show 2007 (BIS 2007), London, England.

Penyelidik UPM yang cemerlang ini adalah Dr Siva K Balasundram

dan Dr Normahdiah Sheikh Said masing-masing dari Fakulti Pertanian dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Dr Siva K Balasundram mempertandingkan projek yang bertajuk *"A Computerized Digital Imaging Technique to Estimate Palm Oil Content and Quality Based on Fruit Color"* manakala Dr Normahdiah Sheikh Said mempertandingkan projek yang bertajuk *"NEMD MODEL - Norma TM Engagement Multimedia Design Model"*.

Kejayaan yang dicapai oleh keduanya menandakan projek penyelidik UPM amat berkualiti sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Pertandingan antarabangsa yang berlangsung pada 17-21 Oktober 2007 ini menerima sekitar 300 penyertaan dari pelbagai negara seluruh dunia.



PROF DR RAJA NOOR ZALIHA ABD. RAHMAN